



Jurnal Afaq Lughawiyah
Universiti Sultan Zainal Abidin
مجلة آفاق لغوية - جامعة السلطان زين العابدين

**SIMBOLISME USLŪB AL-QAŞR DALAM IMEJ TASHBĪH PUISI
KEMALA: KAJIAN RETORIK BERDASARKAN TEORI
‘ABD AL-QĀHIR AL-JURJĀNĪ**

**[THE SYMBOLISM OF *USLŪB AL-QAŞR* IN THE *TASHBĪH* IMAGERY
OF KEMALA’S POETRY: A RHETORICAL STUDY BASED ON THE
THEORY OF ‘ABD AL-QĀHIR AL-JURJĀNĪ]**

Muzammir Anas^{1*}, Wan Hasmah Wan Teh², Mohamad Luthfi Abdul Rahman³,
Md. Salleh Yaapar⁴ & Badri Najib Zubir⁵

¹Faculty of Languages and Communication, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong
Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

^{2,3,4}Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

⁵Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur,
Malaysia

* Corresponding Author: muzammir@unisza.edu.my

Received: 12/7/2025

Accepted: 19/8/2025

Published: 31/8/2025

Abstrak

Kajian ini meneliti gaya bahasa *al-qaşr* dalam imej *tashbīh* yang terdapat dalam puisi Kemala - Sasterawan Negara ke-11 Malaysia - dengan memberi tumpuan kepada fungsi retoriknya dalam menyampaikan makna simbolik dan pemikiran penyair. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis secara mendalam teknik penggayaan *al-qaşr* yang digunakan oleh Kemala dalam menegaskan idea kerohanian serta menelusuri betapa beliau memanfaatkan imej puitis dan simbolisme dalam memperkukuh mesej puisinya melalui imej *tashbīh*. Kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual yang berasaskan teori retorik ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī dengan penekanan terhadap hubungan antara struktur bahasa, seni pengimejan, makna dan kesan estetika yang terhasil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kemala menggunakan *uslūb al-qaşr* secara halus dan kreatif dalam imej *tashbīh* untuk menonjolkan dualiti makna - antara zahir dan batin, dunia dan ketuhanan. Melalui gaya ini, Kemala berjaya menegaskan nilai keesaan Ilahi serta memperlihatkan keutuhan akidah dan pandangan hidup Islam dalam puisinya. Kesimpulannya, *uslūb al-qaşr* secara konsisten memperkaya lapisan makna puisi Kemala dan membuktikan kematangan beliau dalam mengadun bahasa, citra dan falsafah secara puitis dan mendalam.

Kata kunci: Kemala, simbolisme, al-Jurjānī, retorik, makna

Abstract

This study examines the rhetorical style of al-qaṣr in tashbīh imagery found in the poetry of Kemala - Malaysia's 11th National Laureate - with a focus on its rhetorical function in conveying symbolic meanings and the poet's reflections. The objective of this study is to conduct an in-depth analysis of Kemala's use of al-qaṣr techniques in emphasizing spiritual ideas and to explore how he employs poetic imagery and symbolism to reinforce the messages in his poems through tashbīh imagery. The study adopts a textual analysis method based on the rhetorical theory of 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī, emphasizing the relationship between linguistic structures, imagery, meaning and the resulting aesthetic effects. The findings reveal that Kemala employs the uslūb al-qaṣr subtly and creatively in tashbīh imagery to highlight dual layers of meaning - between the apparent and the hidden, the worldly and the divine. Through this stylistic approach, Kemala successfully underscores the oneness of God while reflecting the integrity of Islamic faith and worldview in his poetry. In conclusion, the uslūb al-qaṣr consistently enriches the layers of meaning in Kemala's poetry, demonstrating his mastery in blending language, imagery and philosophical depth poetically and profoundly.

Keywords: Kemala, symbolism, al-Jurjānī, rhetoric, meaning

Cite as: Anas, M., Wan Teh, W. H., Abdul Rahman, M. L., Yaapar, M. S., & Zubir, B. N. (2025). Simbolisme Uslub al-Qasr dalam Imej Tashbih Puisi Kemala: Kajian Retorik Berdasarkan Teori 'Abd al-Qahir al-Jurjani. *Afaq Lughawiyah*, 3(2), 206-219. <https://doi.org/10.37231/afaq.2025.3.2.191>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah, lebih dikenali dengan nama pena Kemala, turut menggunakan nama lain seperti Akmal Jiwa, Nir Hiriyati, Dur Kasih, Nirwana dan Arash Kamal. Beliau dilahirkan di Gombak, Kuala Lumpur pada 30 Januari 1941 (Hassan, 1990) dan kembali ke rahmatullah pada 27 Oktober 2021 di Kota Damansara, Petaling Jaya pada usia 80 tahun. Sebagai Sasterawan Negara ke-11 (2012), Kemala menandai perubahan penting dalam sejarah puisi Melayu moden dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih berteraskan pemikiran Islam dan kerohanian, berbeza daripada aliran sastera dekad 1950-an yang banyak berorientasikan perjuangan sosial.

Kemala dikenali kerana keupayaannya mengolah simbolisme halus melalui imej-imej puitis yang sarat makna dan berlapis tafsiran (Nor, 2021). Puisi Kemala memperlihatkan kehalusan bahasa yang mendalam yang digabungkan dengan renungan falsafah dan spiritual yang berpaksikan sufisme. Simbolisme yang diungkapkan tidak sekadar membawa makna literal tetapi menggambarkan hubungan kompleks antara manusia, ketuhanan dan alam semesta. Keindahan bahasa puisi Kemala lahir daripada pemilihan diksi yang teliti, susunan sintaksis yang teratur

serta penggunaan kiasan, peribahasa dan sindiran yang menambah nilai estetik (Muhammad, 1988). Melalui kejelasan imej dan kekuatan ekspresi, Kemala berjaya membina dunia puitis yang menggambarkan ketajaman intuisi dan sensitiviti beliau terhadap keindahan bahasa serta hakikat kehidupan.

Kajian ini meneliti tiga puisi Kemala, iaitu *Pohon Sejarah* dan *Mengenang-Mu* daripada kumpulan puisi *'Ayn* (1983) serta *Kanvas Universal* daripada kumpulan puisi *Titir Zikir* (1995). Puisi yang dipilih dalam kajian ini berdasarkan kekayaan simbolisme dan kedalaman falsafahnya. Di samping itu, puisi ini dilihat menawarkan keutuhan struktur makna dan kekuatan retorik yang sesuai untuk dikaji dari sudut penggayaan *uslūb al-qaṣr* dalam imej *tashbīh*.

Pendekatan kajian ini berasaskan teori kritikan sastera Arab klasik yang diasaskan oleh Abū Bakr ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī (1076). Teori *al-Naẓm* (Al-Jurjānī, 2004) daripada kitab *Dalā'il al-Iʿjāz* dijadikan rujukan utama dalam memahami hubungan struktur bahasa *uslūb al-qaṣr* dan makna, manakala teori *Asrār al-Balāghah* (Al-Jurjānī, 1954) digunakan untuk meneliti aspek keindahan pengimejan puitis imej *tashbīh*. Kajian ini juga berlandaskan konsep *Maʿnā al-Maʿnā* (Günaydın, 2008), iaitu makna di sebalik makna, bagi menyingkap lapisan simbolik dalam ungkapan. Analisis memberi tumpuan kepada imej *tashbīh* sebagai elemen penggayaan bahasa yang membentuk keindahan *uslūb al-qaṣr*.

Melalui pendekatan ini, pengkaji berusaha memperlihatkan cara struktur bahasa yang merangkumi pilihan diksi dan susunan sintaksis berperanan menyampaikan makna tersirat yang berkaitan dengan pengalaman kerohanian Kemala. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memperluas horizon pengajian puisi Melayu melalui penerapan teori *balāghah* Arab, sekaligus memperkukuh kefahaman terhadap hubungan antara bentuk, makna dan fungsi estetika dalam karya sastera.

Justeru, kajian ini bukan sahaja memperkaya wacana akademik tentang teknik *uslūb al-qaṣr* dalam imej *tashbīh*, malahan turut menyumbang kepada penghargaan yang lebih mendalam terhadap nilai seni, keindahan bahasa dan pemikiran Islam dalam puisi Melayu moden.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti dan menafsir *uslūb al-qaṣr* dalam imej *tashbīh* puisi Kemala. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami konteks penghasilan puisi dan situasi yang melatari pengalaman peribadi penyair, di samping menyingkap makna tersirat melalui gambaran dan imaginasi puitis (Abu Deeb, 1979). Pemahaman terhadap konteks puisi Kemala perlu dilakukan melalui analisis imej-imej simbolik kerana unsur ini berperanan penting dalam membantu pengkaji menelusuri makna mendalam di sebalik bahasa yang digunakan. Simbolisme dalam puisi Kemala tidak hanya berfungsi sebagai unsur estetika, bahkan dalam masa yang sama berperanan sebagai wahana untuk mengungkapkan emosi, pengalaman rohani dan renungan falsafah penyair. Dengan memahami simbolisme ini, pengkaji dapat meneliti cara Kemala menggunakan bahasa sebagai medium untuk mencerminkan realiti sosial, nilai keagamaan dan

pandangan hidupnya. Pendekatan ini turut membolehkan karya Kemala dikaitkan dengan latar budaya serta sejarah zamannya, sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang sumbangan Kemala terhadap perkembangan puisi Melayu moden.

Pemilihan teori ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī sebagai kerangka analisis dalam kajian korpus puisi Kemala merupakan langkah penting dalam memperkenalkan perspektif baharu terhadap analisis puisi berteraskan Islam dalam kesusasteraan Melayu. Penerapan teori ini dilihat mampu memperluas ruang interpretasi apabila meletakkan karya Kemala dalam wacana *balāghah* dan estetika Arab yang lebih luas. Berdasarkan teori al-Jurjānī, kaedah analisis tekstual diaplikasikan bagi meneliti puisi Kemala secara komprehensif. Langkah pertama melibatkan pembacaan awal untuk mengenal pasti tema, nada dan suasana puisi serta meneliti makna literal setiap baris termasuk unsur peristiwa, watak dan latar yang terkandung di dalamnya.

Seterusnya, pengkaji memberi tumpuan kepada analisis imejan puitis, khususnya penggunaan *tashbīh* (simile) sebagaimana didefinisikan oleh al-Jurjānī (1954), yang berfungsi membentuk visualisasi yang jelas dan mendalam dalam minda pembaca. Berdasarkan analisis ini, pengkaji meneliti pula penggayaan *uslūb al-qaṣr* dengan memerhatikan pilihan diksi, susunan sintaksis dan elemen retorik yang digunakan oleh Kemala. Pertimbangan turut diberikan kepada faktor yang mempengaruhi pemilihan kata serta bagaimana struktur bahasa tersebut menambah kesan makna dan kekuatan simbolisme dalam puisi. Pemerhatian terhadap *uslūb al-qaṣr* dalam *tashbīh* dilakukan bagi menyingkap makna simbolik yang tersembunyi di sebalik imej puitis tersebut, seterusnya menghayati keindahan bahasa dan kehalusan pemikiran Kemala.

Tanpa penggunaan gaya bahasa yang tepat dan berkesan, penyair berisiko kehilangan daya ekspresi dalam menyampaikan emosi atau konsep abstrak yang kompleks (Hussin & Yahaya, 2022). Oleh itu, pemahaman terhadap latar kehidupan Kemala - termasuk pengalaman peribadi dan konteks zamannya - amat penting dalam membantu menjelaskan makna yang tersembunyi dalam setiap ungkapan *al-qaṣr*. Setelah kesemua aspek ini diperhatikan, pengkaji menafsir makna ungkapan *al-qaṣr* dengan meneliti bagaimana teknik ini dan *tashbīh* berinteraksi secara dinamik dalam menyampaikan mesej simbolik dan falsafah mendalam yang menjadi teras pemikiran Kemala.

GAYA BAHASA AL-QAṢR

Menurut Ibn Manẓūr (2004), salah satu pengertian *al-qaṣr* ialah sesuatu yang pendek atau bersifat tujuan atau matlamat. Berdasarkan pandangan al-Jurjānī dalam permasalahan *innamā* “إنما” atau konsep “sekatan makna” (1992), al-Hubail (2025) menekankan bahawa tahap penegasan dalam gaya *al-qaṣr* bergantung kepada kekuatan atau kelemahan alat dan bentuk bahasanya. Kekuatan ini juga tercapai melalui gabungan unsur penafian dan penegasan secara serentak. Di samping itu, unsur keterlaluan atau *al-mubālaghah* (hiperbola) dan penegasan (*al-tawkid*) dalam *al-qaṣr* biasanya dibina melalui teknik elipsis (*al-ḥadhf*) serta keringkasan bahasa (*al-ījāz*). Dalam hal ini, pembaca atau pendengar sentiasa terlibat dalam peralihan cara berfikir

dan tahap-tahap makna dalam teks, terutamanya dalam *al-qasr al-majāzī* atau *al-qasr* secara kiasan. Penggunaan beberapa teknik *al-qasr* secara berturutan dalam satu ayat boleh meningkatkan keberkesanan unsur penafian (*al-nafi*) dan penegasan (*al-ithbāt*). Namun begitu, *al-qasr* yang menggunakan *innamā* (إنما) tidak boleh digabungkan dengan huruf *al-ʿatf* (العتف) kerana ia sudah mengandungi unsur penafian, kecuali dalam keadaan tertentu yang membolehkan penyambungan. Tambahan pula, teknik penafian (*al-nafi*) dan pengecualian (*al-istithnāʾ*) merupakan bentuk struktur *al-qasr* yang paling jelas, manakala teknik mendahulukan unsur yang sepatutnya berada di belakang (*al-taqdīm wa al-taʿkhīr*) merupakan yang paling tersembunyi. Sementara itu, penggunaan *innamā* berada di kedudukan pertengahan antara yang jelas dan tersembunyi.

Sementara itu, menurut Chowdhury (2015), *al-qasr* ialah ungkapan yang berfungsi untuk menghadkan serta mensyaratkan sesuatu makna dalam ujaran. Antara matlamat pragmatik *al-qasr* termasuklah untuk menunjukkan spesifikasi, meringkaskan ujaran, memberikan penegasan terhadap makna serta menarik perhatian pendengar. Melalui tujuan-tujuan ini, *al-qasr* berperanan memperjelas hubungan makna dan fokus dalam struktur ayat.

Semua matlamat pragmatik tersebut dapat dicapai melalui beberapa teknik bahasa yang khusus. Antaranya ialah teknik elipsis atau *al-ḥadhf* yang melibatkan penguguran unsur tertentu, teknik pengecualian atau *al-istithnāʾ* yang membezakan antara sesuatu unsur dengan yang lain dan teknik *al-taqdīm wa al-taʿkhīr* yang menyusun semula kedudukan unsur ayat untuk menonjolkan maksud yang diinginkan. Teknik-teknik ini memungkinkan pembinaan makna yang lebih tepat, padat dan berkesan dalam komunikasi.

Di samping itu, Arshad (2018) menjelaskan bahawa *al-qasr* merupakan satu kaedah untuk menyampaikan makna atau kandungan dengan cara tertentu yang menghadkan ataupun membataskan tafsiran sesuatu maksud hanya kepada perkara tertentu tanpa melibatkan perkara lain. Hal yang membezakannya ialah apabila sebuah ayat yang menggunakan *uslūb al-qasr* memiliki kekuatan makna seolah-olah dua ayat berbanding ayat yang tidak menggunakan teknik tersebut. Ini bermaksud, ayat yang mengandungi *al-qasr* lebih ringkas namun sarat dengan makna yang jelas dan mendalam.

Dalam hal ini, al-Hubail (2025) menegaskan bahawa apabila *al-qasr* dilihat sebagai gaya bahasa yang mampu mengukuhkan keterhubungan bahagian-bahagian dalam teks serta menambah kekayaan maknanya, penggunaannya boleh berubah-ubah bergantung pada konteks. Konteks tersebut turut menentukan bagaimana teknik-teknik *al-qasr* berhubungan antara satu sama lain; adakalanya ia bertindih, kadang-kadang berdekatan dan pada masa lain berjauhan. Oleh itu, makna yang terhasil juga dipengaruhi oleh susunan ayat dan jenis hubungan antara teknik yang diaplikasikan. Pada awalnya, penyelidikan tentang *al-qasr* banyak bergantung pada tradisi *balāghah* klasik. Namun, menjelang pertengahan abad ke-20, munculnya kajian psikologi dan estetika telah memberikan kesan besar terhadap perkembangan bidang *balāghah*, sehingga memperluas pendekatan dalam memahami dan mengkaji gaya bahasa *al-qasr*.

IMEJ *TASHBĪH*

Al-Jurjānī (1954) menerangkan bahawa *tashbīh* ialah satu bentuk perbandingan antara dua entiti yang mempunyai sifat-sifat tertentu yang sama. Kesamaan ini merujuk kepada persamaan ciri antara subjek dan objek yang dibandingkan dari segi makna. Perbandingan *tashbīh* boleh dibahagikan kepada dua jenis: pertama, perbandingan secara langsung yang jelas dan mudah difahami tanpa memerlukan penafsiran lanjut; kedua, perbandingan secara tersirat yang tidak begitu jelas dan memerlukan tafsiran untuk memahami makna secara lebih mendalam.

Dalam hal ini, al-Jurjānī (1954) membahagikan *tashbīh* kepada dua ciri utama. Pertama, imej *tashbīh* perlu berasaskan realiti sebenar, iaitu persamaan sifat fizikal antara *mushabbah* (subjek yang disamakan) dan *mushabbah bihī* (objek yang dijadikan perbandingan) mempunyai hubungan objektif yang jelas dan seimbang dan persamaan ini boleh dilihat atau diukur secara nyata. Kedua, imej *tashbīh* haruslah berasaskan keperluan sifat subjek dan objek, iaitu persamaan yang wujud bersifat subjektif seperti emosi dan pemikiran (Abu Deeb, 1979). Persamaan jenis ini bersifat simbolik dan abstrak serta bergantung kepada tafsiran.

TEKS ANALISIS PUISI KEMALA

Puisi 1

Pohon Sejarah

Batangmu lalulintas peristiwa
 Dalaman luaran
 Bergaris
 Bergerigis
 Sayatan kerikil
 Gurisan tombakwaktu
 Berjejalan likuperi pengalaman
 Rakyat pemerintah
 Manusia dan dunia
 Cabangmu, pecahan simpangsiur
 sebagai Hannibal mengharung gunung
 sebelum bingkas mengepung.
 Serang dan ranggas. Ah, kotasementara sesudah
 Jatuh dibangunkan lagi, dihidupkan
 Subur dan makmur. Dengan mata apa
 Iskandar melihat? Kalau bukan dengan matacekalnya?
 Dengan mata apa Al-Amin menimbang? Kalau bukan
 dengan mataakalnya? Dengan apa al-Khattab
 memohon petunjuk kalau bukan dengan matabatinnya?

Ini alam ghaib dan nyata. Inilah hayat
 akar yang menjalar
 Teguh di dalam bumi. Ini air dan ini baja untukmu

Teguh-teguhlah menunjangi hidup.
Ini rindu daun membawa redup temaram
Hijau keringkemering gugur ke bumi. Inilah
hidup pertemuan dan mati perpisahan. Caesar cuma
sedetik di atas takhta sebelum Brutus menusuk
belatinya. Bakti namabaik dan jasa
umpama buahranum yang dipetik. Pemuka
yang datang demi hidup
dan pulang demi cinta Tuhan
Kini bergantung segalanya
di Pohon Sejarah.

Kuala Lumpur
1980 - 1981

Puisi 2

Mengenang-Mu

Mengenang-Mu
bagai menatap diri pada butir embun pertama
menyaring air pada tapishalus batini
menebar iktibar pada rindu yang panjang
titis airmata iman di dalam sujudku.

Mengenang-Mu
umpama tasbih dan istirahat angin di hujung daun
berlayar lancar kapalku di awan-awan baldu
cendekia Khidir, rindu Musa bertaut satu
asyik al-Amin di Hirak sepi-Mu.

Mengenang-Mu
seperti terkilau iman Yusuf di depan Zulaikha
sepi seorang Mariam, cecal seorang Masyita
ombak dan laut bergulung, teranyam baju dan benang
di dinihari bening, pengasyik menemui Kekasihnya.

Mengenang-Mu
bagai lahir Ainil Umar di subuh Mauludin-Nabi
kubebat lukaku di gurun tandus
kusapa musafir di sisinya kaktus-kaktus
'jalan kembali, hanya di hati nurani!'

Mengenang-Mu
bak riangria anak menyambut ayahnya kembali
wajah ikhlas isteri waktu suaminya berangkat

perawan salih dibasahi air wuduk
bersatu mengenal kasih agung Khaliqnya.

Mengenang-Mu

bagai gunung-gunung teguh dipayungi langit kukuh
terukir Nama di kalbu satu demi satu
di bumi: bagai cucur ilmu dari langit
di langit: bagai timbul ilmu dari bumi.

Mengenang-Mu

bagai kuda putih, terbit darahkasih di keningnya
mujarab doa ibu untuk anak tercinta
di pesisir alam ia membaca sejarah panjang
perarakan Pingai kembali ke sarang asalnya.

Mengenang-Mu

umpama menatap cermin batini, suram atau bercahaya?
menatap Wujud Abadi dan Taman Hijau dan Putih
hijau, hijau rimbunan akal
putih, putih himpunan rasa
berpadu dalam Kasih Abadi.

Mengenang-Mu.

Pulau Pinang

1979 - 1980

Puisi 3

Kanvas Universal

bahasanya bahasa anarki
raungnya raung serigala bakupmata
diktator lahir dan lahir lagi
tak kenal huruf maut, gunung mabuk
melelehkan lahar darah
seputar bulan robek
kekasih menyimpan senyum pertama
tasik yang itu
kali yang dulu
mengandung nanah
membeku seperti malam-malam bisu

berganding gurun
bersanding kurun, muncul gelinting
ulat dari perut, kemaluan pendosa

dia mencipta, memperkosa sumpah
dendam bagai kilatan pijar planet
sang jahili
menyimpan tamadun di muzium mati

dan pelukis zaman
membancuh kata dan warna, bulanpun
separuh hangus, sukma yang terbakar
lalat menghurung ayat suci
pesan nabi dan sebaris slogan
pengocak nafsu
kuasa adalah tonggak, marilah membuas
melempiassi detik
raung serigala bakupmata
lahar darah gunung mabuk
menghanyut kitab-kitab tua
'hitler' baru
menjerangkap diri!

Kuala Lumpur
1994

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Gaya *al-qaṣr* diaplikasikan sebagai strategi bahasa untuk memberikan penekanan khusus terhadap sesuatu objek atau ruang tertentu, di samping mengehadkan fokus gambaran agar lebih terarah dan mendalam (Chowdhury, 2015). Analisis menunjukkan bahawa apabila gaya ini digabungkan dengan imej *tashbīh* serta susunan bahasa yang cermat, ia menghasilkan visualisasi yang lebih kompleks dan memperkaya puisi dengan lapisan makna yang bersifat spiritual, emosional serta reflektif.

GAYA AL-QAṢR MELALUI TEKNIK AL-ĪJĀZ

Dalam puisi *Mengenang-Mu*, Kemala memperlihatkan gaya *al-qaṣr* melalui ungkapan “Mengenang-Mu umpama tasbih dan istirahat angin di hujung daun” (Abdullah, 1983). Frasa “di hujung daun” dilihat berfungsi untuk mengecilkan ruang gambaran kepada kawasan yang lembut dan tenang, sekali gus menimbulkan suasana hening yang menonjolkan ketenangan batin dalam zikir rohani (al-Husain, 2005).

Menjelaskan lebih lanjut, dalam ungkapan “Mengenang-Mu umpama tasbih dan istirahat angin di hujung daun”, frasa “di hujung daun” mengehadkan dan mempersempit gambaran kepada ruang yang kecil, lembut dan tenang. Ciri *al-qaṣr*, makna dipersempit atau difokuskan untuk menonjolkan elemen tertentu. Dalam kes ini, elemen tersebut dapat dirasakan melalui ketenangan batin dan suasana rohani di sebalik ungkapan. Selain itu, penggunaan frasa yang padat tetapi bermakna ini juga

menunjukkan keringkasan bahasa kerana maksud yang mendalam disampaikan melalui ungkapan yang singkat dan terhad.

GAYA AL-QAṢR MELALUI TEKNIK AL-TAWKĪD DAN AL-ITHBĀT

Kemala memperkukuh makna simbolik berkaitan kemuliaan dan pengorbanan dalam zikir melalui imej *tashbīh* “Mengenang-Mu bagai kuda putih, terbit darahkasih di keningnya” (Abdullah, 1983). Frasa “terbit darahkasih di keningnya” memberi tumpuan terhadap bahagian kening kuda putih dan melambangkan kasih yang suci namun sarat dengan misteri (Abdullah, 2010).

Dalam hal ini, frasa “terbit darahkasih di keningnya” menonjolkan bahagian tertentu (kening kuda putih) dan memberikan fokus maksud secara spesifik, selaras dengan prinsip *al-qaṣr* yang mengehadkan makna kepada unsur tertentu. Penekanan terhadap kasih yang suci dan sarat misteri menunjukkan unsur penegasan makna, seakan-akan meneguhkan simbolisme dalam imej *tashbīh*.

Di samping itu, Abdullah (2010) turut menggambarkan konflik dalaman antara dua keadaan -“suram” dan “bercahaya”- melalui baris “Mengenang-Mu umpama menatap cermin batini, suram atau bercahaya?” (Abdullah, 1983). Dalam konteks ini, teknik *al-qaṣr* menonjolkan pertentangan dan kerumitan pengalaman rohani yang bersifat dinamik serta bergantung pada dimensi batin manusia.

Al-Ghazzālī (1986), yang dirujuk dalam Abdullah (2010), membincangkan simbol ‘cermin’, menyatakan bahawa cermin melambangkan bayangan diri yang terbalik. Sementara itu, istilah ‘batini’ merujuk kepada *qalb* (Abdullah, 2010), iaitu hati atau jiwa seseorang yang mencerminkan hakikat dirinya di hadapan Tuhan. Hati seorang pencari Tuhan diibaratkan seperti cermin (Al-Ghazzālī, 2010); apabila hati itu bersih dan suci, ia dapat memantulkan cahaya Ilahi dengan terang. Sebaliknya, jika hati dipengaruhi oleh nafsu dan dosa, pantulan cahaya tersebut menjadi kabur dan suram.

Dalam ungkapan ini, pertentangan “suram atau bercahaya” menekankan pilihan kata yang kontras dan pengulangan konsep cahaya dan gelap dalam satu baris dengan menjadikan konflik batin lebih nyata. Melalui cara ini, pembaca diberikan penekanan terhadap dinamika pengalaman rohani, seolah-olah Kemala menegaskan bahawa pengalaman batin manusia tidak pernah tunggal atau sederhana. Justeru, teknik *al-tawkīd* dalam ungkapan ini menekankan sesuatu makna agar lebih jelas atau kuat dalam persepsi pembaca.

Sementara itu, penggunaan frasa “suram atau bercahaya” juga mengesahkan bahawa kedua-dua keadaan itu wujud dalam pengalaman batin dan adalah sah untuk wujud secara bergantian atau bersilih. Teknik ini bukan sahaja menegaskan kebenaran pengalaman rohani, malahan membolehkan pembaca menghayati bahawa perasaan batin yang berlawanan itu adalah sebahagian daripada hakikat spiritual yang dinamik. Oleh itu, teknik *al-ithbāt* menegaskan sesuatu maksud dengan menunjukkan keberadaan atau kebenarannya.

GAYA AL-QAŞR MELALUI SEKATAN MAKNA

Dalam puisi *Kanvas Universal*, Kemala menulis, “tasik yang itu kali yang dulu mengandung nanah membeku seperti malam-malam bisu” (Kemala, 1995), yang memperlihatkan penerapan unsur *al-qaşr* dalam bentuk sekatan makna. Sekatan ini berperan mengehadkan tafsiran dengan menjadikan satu gambaran sahaja sebagai pusat makna. Di sini, frasa tersebut tidak hanya melukiskan keadaan “tasik” tetapi turut menetapkan sifat mutlaknyanya.

Dalam tradisi sufisme, istilah ‘tasik’ yang mengaitkan simbolisme antara kolam dan hati (Kamus Dewan Perdana, 2021) berperan sebagai lambang jiwa manusia yang mampu memantulkan kejernihan atau kekeliruan, bergantung kepada tahap kesucian dan kejernihan rohaninya (al-Husain, 2005).

Sementara itu, diksi “mengandung” tidak merujuk pada potensi kelahiran atau pertumbuhan, sebaliknya menandakan keadaan “tasik” yang sarat dengan unsur jijik, iaitu “nanah yang membeku”. Sekatan ini menolak kemungkinan pembaca membayangkan “tasik” sebagai simbol kehidupan atau pemulihan. Sebaliknya, Kemala secara tegas menampilkan imej kehancuran mutlak - air yang tidak lagi mengalir, beku dan mati.

Konsep sekatan ini diperteguh melalui diksi “membeku” yang menandakan ketiadaan gerak dan harapan. Jika lazimnya air melambangkan kehidupan dan kesinambungan, di sini ia menjadi lambang keputusan dan kebinasaan. Dengan membatasi imej “tasik” kepada sesuatu yang tepu dengan “nanah” yang tidak lagi bergerak, Kemala mencipta simbol yang menjijikkan namun sarat makna sehingga menjadikan imej *tashbih* itu lebih tajam dan tegas tanpa ruang bagi interpretasi positif.

Kehancuran ini turut diserlahkan melalui gabungan imej “tasik membeku” dan “malam-malam bisu”. Kedua-duanya saling menguatkan kesan *al-qaşr*, iaitu yang pertama melambangkan kebisuan fizikal, manakala yang kedua menggambarkan kesunyian batin yang berulang dan abadi. Hasilnya ialah satu gambaran total tentang kematian, keheningan dan kehilangan daya hidup.

Oleh yang demikian, ungkapan ini menekankan bagaimana Kemala membatasi tafsiran pembaca kepada satu gambaran sahaja. Imej “tasik yang mengandungi nanah membeku” menolak interpretasi positif seperti kehidupan atau pemulihan. Di samping itu, penggunaan diksi seperti “mengandung” dan “membeku” menetapkan makna mutlak dan menegaskan imej kehancuran. Tambahan lagi, gabungan imej seperti “tasik membeku” dan “malam-malam bisu” memperkuat kesan sekatan sehingga menjadikan imej *tashbih* lebih jelas dan berimpak. Hal ini selari dengan definisi *al-qaşr*, iaitu teknik membatasi atau mengehadkan makna agar fokus pembaca tertumpu kepada satu tafsiran tertentu, tanpa ruang untuk pemahaman alternatif.

GAYA AL-QAŞR MELALUI TEKNIK AL-ḤADHF

Kemala memperluas dimensi *al-qaşr* melalui penerapan teknik *al-ḥadhf* (elipsis), yang menyampaikan makna secara padat dan simbolik (Chowdhury, 2015). Teknik ini digunakan untuk menzahirkan renungan tentang perjalanan hidup manusia melalui

perubahan alam semula jadi. Struktur bahasanya yang ringkas tetapi padat berjaya membangkitkan refleksi terhadap kefanaan, kitaran hidup dan peralihan masa.

Sebagai contoh, dalam puisi *Pohon Sejarah*, Kemala menulis “Hijau keringkemering gugur ke bumi” (Abdullah, 1983). Ungkapan ini menonjolkan imej *tashbih* implisit yang membandingkan perubahan daun dengan perjalanan hidup manusia. Walaupun tiada kata pembanding seperti “bagai” atau “seperti”, perbandingan tetap tersirat. Diksi “hijau” merujuk kepada kematangan yang belum mencapai kesempurnaan dari segi pengalaman dan pengetahuan (Kamus Dewan Perdana, 2021). Dalam hal ini, frasa “hijau keringkemering” menggambarkan perubahan daun daripada segar kepada kering yang menjadi simbol kepada proses kehidupan dari kelahiran, penuaan hingga kematian. Oleh itu, frasa ini membawa makna simbolik mengenai seseorang yang sedang berada pada peringkat awal perjalanan spiritualnya, masih dipenuhi kesuburan iman dan belum menghadapi ujian kefanaan dunia yang semakin mendekat.

Selain itu, frasa ‘keringkemering’ menggambarkan sesuatu yang layu, dahaga dan hampir kehilangan kehidupan (Abdullah, 2010). Imej ini menambahkan kesan puitis dengan menekankan kelemahan dan ketidakberdayaan dalam fasa akhir kehidupan. Dari sudut struktur, penggunaan *al-qasr* melalui teknik *al-hadhf* membataskan maklumat dengan menyingkirkan subjek yang telah disebut dalam rangkap sebelumnya, iaitu “Ini rindu daun membawa redup temaram” (Abdullah, 1983), sekali gus menumpukan perhatian kepada sifat daun yang mengalami transformasi semula jadi.

Pendekatan ini dilihat menjimatkan kata, selain mengundang imaginasi pembaca untuk menafsirkan makna tersirat di sebalik ungkapan tersebut. Kesannya, wujud ruang refleksi terhadap kefanaan dan perubahan, manakala kesederhanaan bahasanya meningkatkan impak simbolik dan emosi. Melalui teknik ini, Kemala memperlihatkan kehalusan seni bahasa yang sarat misteri dan kepuitisan apabila menjadikan simbol perubahan alam bukan sekadar fenomena fizikal, bahkan lambang perjalanan hidup manusia yang sementara dan tidak kekal.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan analisis, dapat dirumuskan bahawa gaya *al-qasr* memainkan peranan penting dalam memperkukuh kekuatan retorik dan simbolisme puisi Kemala. Teknik ini bukan sekadar alat linguistik untuk memberi penegasan terhadap sesuatu unsur tetapi turut berfungsi sebagai strategi estetik yang mengawal arah makna, memperdalam fokus gambaran dan mencipta lapisan tafsiran. Apabila digabungkan dengan imej *tashbih* dan struktur bahasa yang cermat, *al-qasr* menghasilkan kesan visual dan emosional yang mendalam, sekali gus memperlihatkan hubungan erat antara bentuk bahasa dan dimensi spiritual dalam puisi Kemala.

Dalam karya seperti *Pohon Sejarah*, *Mengenang-Mu* dan *Kanvas Universal*, Kemala menggayakan *uslub al-qasr* untuk mengehadkan makna dan menumpukan perhatian pembaca kepada simbol-simbol tertentu yang mewakili aspek kerohanian, keinsafan dan kefanaan. Pembatasan ruang dan makna ini menimbulkan suasana

kontemplatif yang menggambarkan perjalanan batin manusia dalam mencari makna Ilahi. Melalui gambaran lembut seperti “di hujung daun” atau imej gelap seperti “tasik mengandung nanah membeku”, Kemala menegaskan kontras antara kehidupan dan kehancuran, harapan dan keputusasaan, zahir dan batin.

Perlu ditegaskan bahawa penerapan gaya *al-qasr* melalui teknik *al-ijāz*, *al-tawkid* dan *al-ithbāt*, sekatan makna dan *al-ḥadhf* menonjolkan keupayaan Kemala menyampaikan makna secara implisit, padat dan penuh simbolisme. Keberkesanan teknik-teknik ini terletak pada keupayaan Kemala meminimumkan keterangan tanpa mengurangkan kedalaman makna, malah memperluas ruang tafsiran rohani dan refleksi diri.

Secara keseluruhannya, *al-qasr* dalam imej *tashbih* puisi Kemala memanifestasikan keindahan *balāghah* Arab yang diadaptasi ke dalam puisi Melayu moden. Dalam masa yang sama, ia turut menjadi wahana yang menghubungkan unsur estetik dengan falsafah kehidupan dan spiritualiti Islam. Teknik ini membuktikan kematangan Kemala sebagai penyair yang berupaya memadukan bentuk dan makna secara halus, mendalam dan penuh penghayatan.

RUJUKAN

- °Abd al-Qāhir, A.R.M.J. (1954). *Asrār al-Balāghah*. Istanbul: Maṭbaʿah Wazārah al-Maʿārif. Disunting oleh Hellmut Ritter.
- °Abd al-Qāhir, A.R.M.J. (2004). *Dalā'il al-Ijāz*. Kaherah: Maktabah al-Khānījī. Disunting oleh Maḥmūd Muḥammad Shākīr.
- Abdullah, A. K. (1983). *'Ayn: Kemala*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, A. K. (2010). *Simbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Deeb, K. (1979). *Al-Jurjani's Theory of Poetic Imagery (Approaches to Arabic Literature)*. Oxford: Aris and Phillips Ltd Publishers.
- Arshad, M. S. (2018). *Metode "al-qasr" dalam al-quran (juzuk pertama): Dari sudut balaghah*. Prosiding Simposium Peradaban Islam Andalus: Tradisi Intelektual Peradaban Islam Andalus. Universiti Kebangsaan Malaysia. 281-297.
- Chowdhury, S. Z. (2015). *Introducing Arabic Rhetoric*. United State of America: Dār al-Nicosia Publishing House.
- Günaydın, M. (2008). *The idea of 'multiple meanings' in al-Jurjānī's theory of composition*. 127-143. İstanbul Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi, Sayı. Seminar of Arabic Literature and Literary Theory (AMES 434) at the University of Pennsylvania in 1996.
- Hassan, M. M. (1990). *Proses Penciptaan Puisi: A. Wahab Ali, Dharmawijaya dan Kemala*. Kuala Lumpur: Perniagaan Bumi Cemerlang.
- al-Hubail, A. a.-R. (2025). *Uslub al-qasr fi Sūrah al-Tawbah fi ḍaw' naẓariyyat al-siyāq*. *Journal of the Arab American University*, 11(1): 87-101.
- al-Husain, M. (2005). *Kehidupan Hati*. Diterjemahkan oleh Salleh Karimi Mohd Kari. Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation Sdn. Bhd.

- Hussin, M. dan Yahaya, S. R. (2022). Gaya bahasa kiasan dan retorik dalam Titah Sultan Perak DYMM Sultan Nazrin Shah. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2): 136-152.
- Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram. (2004). *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Kamus Dewan Perdana. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, K. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muḥammad bin Muḥammad, G. (1986). *Mishkāṭ al-Anwār wa Miṣfāt al-Asrār*. Beirut: ʿĀlam al-Kutb. Disunting oleh ʿAbd al-ʿAzīz ʿIzz al-Dīn al-Sayrawān.
- Muḥammad bin Muḥammad, G. (2010). *Ihya Ulumiddin: Jalan Menuju Penyucian Jiwa*. Diterjemah oleh Mujahidin Muhayan. Jakarta: Pena Pundi Aksara.
- Wan Mohd Nor, F. (2021). *Biografi Ringkas Penerima S.E.A Write Award*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.